



Rujukan : UKM PPI/111/8  
Tarikh : 19 Disember 2024

**PEKELILING SEKRETARIAT ETIKA PENYELIDIKAN UKM BIL. 3/2024**

Dekan/ Pengarah/ Ketua  
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

**PANDUAN PERMOHONAN ETIKA PENYELIDIKAN UKM**

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan berkuatkuasa **01 Januari 2025**, semua permohonan untuk kelulusan etika penyelidikan yang dihantar kepada Sekretariat Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hendaklah melalui proses saringan di peringkat jabatan, pusat, atau fakulti terlebih dahulu.

3. Saringan ini bertujuan untuk memastikan:

- i. Proposal penyelidikan yang dihantar memenuhi semua garis panduan dan keperluan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan UKM;
- ii. Saringan awal membolehkan sebarang kelemahan dalam metodologi, reka bentuk kajian, atau keperluan dokumentasi dikenal pasti dan diperbaiki sebelum dihantar ke peringkat seterusnya.

4. Justeru, YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. dimohon untuk memastikan bahawa semua permohonan etika penyelidikan disaring oleh panel penilai dalaman di peringkat jabatan/pusat/fakulti masing-masing sebelum dihantar kepada Sekretariat Etika Penyelidikan UKM. Surat/dokumen sokongan saringan dalaman hendaklah dilampirkan bersama permohonan yang dihantar.

Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pemakluman ini dapat disampaikan kepada semua pegawai /penyelidik di Fakulti / Institut / Pusat / Jabatan bawah seliaan pihak YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh hubungi Sekretariat Etika Penyelidikan UKM di talian 03-9145 5046/5048 atau e-mel [sepukm@ukm.edu.my](mailto:sepukm@ukm.edu.my).

Kerjasama Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

SEKRETARIAT ETIKA PENYELIDIKAN UKM • UKM RESEARCH ETHICS SECRETARIAT

Yang benar,

**PROFESOR DR. MOHD SHAHRIR MOHAMED SAID**

Pengerusi

Jawatankuasa Etika Penyelidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k. - Fail SEPUKM